



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

TATACARA PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU (SECARA ATAS TALIAN)



TATACARA PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU (SECARA ATAS TALIAN)

Bagi memastikan pendaftaran pelajar baharu dapat terus berjalan dengan lancar dan teratur dalam situasi COVID-19 ini, tatacara pendaftaran pelajar baharu secara atas talian dibekalkan kepada calon pelajar.



intake.utmspace.edu.my/login

1

Calon menerima Surat Tawaran dan Set Tawaran Kemasukan dari UTM melalui Sistem Ambilan Mahasiswa (SAM)

2

Bayaran Muka Kehadiran (BMK) sebanyak RM300 dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh Surat Tawaran dan Baki Yuran Pelajar Baharu dijelaskan sebelum 29 JULAI 2022 dan perlu disahkan oleh Bahagian Kewangan UTMSPACE

3

Calon melengkapkan dokumen dan borang-borang dalam Set Tawaran Kemasukan sebelum tarikh pendaftaran

4

Calon pelajar yang disahkan telah menjelaskan bayaran Yuran Pelajar Baharu akan ditukarkan kepada status daftar 'Registered' pada tarikh pendaftaran secara automatik

5

Pelajar baharu akan dimaklumkan melalui emel dan sms berkaitan status daftar 'Registered'

6

Pelajar baharu akan diberikan Jadual Kuliah semasa sesi Taklimat Akademik

7

Segala borang yang dilengkapkan termasuk borang-borang dalam Set Tawaran Kemasukan dan Lampiran B – Syarat-Syarat Tawaran Kemasukan dimuat naik ke SAM oleh pelajar sebelum 31 OGOS 2022 (Borang ASAL dan Dokumen yang telah disahkan (2 salinan) perlu DIPOSKAN kepada Bahagian Rekrutmen dan Pengambilan Pelajar, Kuala Lumpur. Di alamat seperti berikut :

Bahagian Rekrutmen dan Pengambilan Pelajar
UTMSPACE Kuala Lumpur
Aras 2, Residensi UTMKL
No.8 Jalan Maktab
54000 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

SEBELUM HARI PENDAFTARAN

1. Bayar Bayaran Muka Kehadiran (BMK) sebanyak **RM 300** selepas terima Surat Tawaran
2. Jelaskan baki Yuran Pelajar Baharu **sebanyak RM 710 sebelum 29 JULAI 2022**
3. Emelkan resit / slip pembayaran kepada Bahagian Kewangan UTMSPACE di bkw@utmSPACE.edu.my
 - Sertakan nama penuh, nombor kad pengenalan dan nama program di resit / slip pembayaran

SEMASA HARI PENDAFTARAN

1. Menerima SMS dan emel menyatakan pendaftaran telah berjaya.
(Bagi calon pelajar yang telah membuat bayaran penuh Yuran Pendaftaran Pelajar Baharu sahaja. Bayaran yang telah disahkan oleh Bahagian Kewangan UTMSPACE)
 2. Sila ke pautan yang telah diberikan dalam SMS / emel untuk tindakan selanjutnya.
- * Tiada tindakan yang perlu dibuat oleh calon pelajar hanya terima SMS / emel sahaja pada Hari Pendaftaran, 29 Julai 2022 (Jumaat)*

SELEPAS HARI PENDAFTARAN

1. Mengikuti Taklimat Akademik dan Majlis Aluan Pelajar Baharu pada **31 JULAI 2021 (Ahad)**
2. Lengkapkan Lampiran B, Set Tawaran Kemasukan dan dokumen yang lain
(Mohon rujuk lampiran Panduan Muat Naik Borang dan Dokumen Keperluan)
3. Borang – borang rasmi Universiti (1 salinan) dan dokumen yang telah disahkan (2 salinan) perlu dimuat naik di intake.utmSPACE.edu.my/login dan diposkan **sebelum 31 OGOS 2022**